

Nama Murid :

Kelas : 4 Amanah

Lengkapkan surat kiriman rasmi berikut dengan format yang betul.

Persatuan Penduduk Taman Jati,
25 Jalan Jati Meranti,
Taman Jati,
31350 Ipoh,
Perak.

Tuan,

Merujuk perkara di atas, saya sebagai Setiausaha Persatuan Penduduk Taman Jati mewakili penduduk taman ini ingin membuat aduan kepada pihak tuan tentang sampah di taman kami yang tidak dikutip mengikut jadual.

3. Selain itu, sampah yang dibiarkan berlonggok itu menarik perhatian anjing-anjing liar untuk menyelongkannya. Akibatnya, sampah tersebut tersebar ke merata-rata tempat sehingga menyakitkan mata yang memandang. Sampah tersebut turut mengundang vektor-vektor pembawa penyakit seperti lalat, lipas dan tikus. Keadaan ini mendedahkan penduduk taman ini kepada penyakit yang membahayakan kesihatan kami.

4. Akibat daripada masalah tersebut, kami tidak lagi berasa selesa untuk tinggal di rumah. Bau busuk yang mengganggu keselesaan kami dan penyakit yang ditimbulkan oleh haiwan pembawa penyakit menyebabkan kami berasa bimbang akan keselamatan kami. Sehubungan itu, kami berharap agar tuan dapat meninjau permasalahan yang kami hadapi dan memberikan penyelesaian yang terbaik terhadap masalah ini.

5. Kerjasama tuan dalam hal ini amat kami harapkan demi memberikan keselesaan hidup yang berkualiti kepada kami.

Sekian, terima kasih.



(KHAIRUL YASIR BIN AHMAD)
Setiausaha,
Persatuan Penduduk Taman Jati

Pilihan jawapan :

2. Masalah ini berlaku sejak dua bulan yang lalu, iaitu apabila kontraktor baharu mengambil alih tugas pengutipan sampah ini. Akibat kegagalan mematuhi jadual tersebut, sampah dibiarkan berlonggok sejak berhari-hari lamanya di hadapan rumah penduduk taman ini. Keadaan ini telah menyebabkan bau busuk dan menimbulkan ketidakselesaan dalam kalangan penduduk.

Yang benar,
Khairul

Ketua Unit Kebersihan dan Keceriaan,
Majlis Bandaraya Ipoh,
Jalan Sultan Abdul Jalil,
30450 Ipoh,
Perak.

Aduan Tentang Sampah Yang Tidak Dikutip Mengikut

15 OGOS 2021.